

Surat khabar: Utusan Malaysia (Sabah & Sarawak)

Hari/Tarikh: 8/5/2013

Muka surat: 26

Tajuk : Unimas Bersama Pelajar Sekolah.

Unimas bersama pelajar sekolah

KOTA SAMARAHAN 7 Mei - Uni-versiti Malaysia Sarawak (Unimas) baru-baru ini mengadakan program bersama golongan belia melibatkan sebanyak 247 pelajar sekolah bertujuan mempraktikkan ilmu pengetahuan yang dipelajari di kampus.

Pengarah program itu, Khairun-nabihah Zainal Abidin berkata, program tersebut berupaya membantu dan mendedahkan budaya sosial serta persekitaran baharu kepada graduan Unimas.

Katanya, pelajar tingkatan tiga dan tingkatan lima Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Belawai dan SMK Bawang Assan juga

gembira selepas mendengar pengalaman daripada graduan universiti itu.

"Program sebegini harus kerap dilaksanakan mahasiswa untuk membalas jasa pihak sekolah selain berpeluang mengenali budaya Sarawak.

"Banyak perkara berjaya dikongsi sepanjang berada bersama pelajar sekolah ini dan boleh dijadikan bahan kajian seperti aspek cara hidup, budaya setempat, tahap pendidikan dan sosioekonomi yang boleh membantu kerajaan mendapat maklumat tepat," katanya di sini baru-baru ini.

Sementara itu, Penolong Kanan 1 SMK Belawai, Yusop Omar berkata, graduan Unimas yang terlibat berpeluang membantu membangunkan akademik pelajar sekolah tersebut supaya belajar bersungguh-sungguh.

Beliau berkata, pihaknya berharap graduan Unimas akan terus menjalin hubungan dengan pihak sekolah terbabit dengan mengadakan aktiviti-aktiviti lain di masa hadapan.

Katanya, pihaknya juga menyarankan Unimas menganjurkan program sedemikian tetapi melibatkan masyarakat luar bandar bagi meluaskan perkongsian ilmu.